

aab

KEBAKARAN MENARA XAWALAN DI SUBANG SEPATUTNYA TIDAK BERLAXU, XATA PM

Mahathir - Subang

Daripada Azman Ujang

HONG KONG, 15 Okt (Bernama) -- Kebakaran di menara kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang awal pagi ini sepatutnya tidak berlaku dan menunjukkan tahap penyenggaraan yang masih tidak memuaskan di tempat-tempat yang penting di Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad di sini hari ini.

+Saya amat dukacita satu lagi kebakaran berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kerana daripada pengalaman yang lepas, sepatutnya semua pihak berhati-hati supaya perkara seperti ini tidak berulang.

+Saya tidak tahu apa sebabnya kebakaran ini berlaku, + katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan beliau selama tiga hari ke sini yang berakhir hari ini.

+Sepatutnya perkara ini tidak berlaku. Kita berasa malu kenapa ia berlaku, kerana pada akhirnya semua bergantung kepada orang yang dipertanggungjawabkan di semua peringkat dan mereka sepatutnya berhati-hati (menjalankan tugas), + katanya.

Reliau berkata banyak insiden seperti ini berlaku akibat daripada kegagalan manusia dan ini patut diawasi. -- Lagi...

▼15/10/12-52MST

UGB 15-10 00198 BA286

aab

Mahathir - Subang 2 Hong Kong

Dr Mahathir berkata, walaupun pada mulanya kebakaran itu teruk sekali bunyinya, beliau dimaklumkan bahawa lapangan terbang itu boleh dibuka semula untuk penerbangan antarabangsa dari pukul 11.30 pagi ini.

+Sementara saya berasa dukacita dengan kebakaran ini, saya ucapkan tahniah kepada pihak berkenaan kerana berjaya memulihkan keadaan dengan begitu cepat, + katanya.

Ditanya sama ada perlu ditubuhkan satu lagi jawatankuasa untuk menyasat kebakaran itu, yang kedua berlaku di lapangan terbang itu pada tahun ini, Perdana Menteri berkata: +Begitulah yang kita harapkan, tetapi dulu kita ada jawatankuasa untuk menyasat tetapi ia berulang juga. +

Pada 6 April, satu kebakaran yang juga berlaku pada awal pagi memusnahkan pusat membeli-belah bebas cukai di lapangan terbang itu dan mengakibatkan tiga anggota keselamatan Jabatan Penerbangan Awam terbunuh.

Beliau mengaku bahawa satu masalah yang dihadapi di Malaysia ialah berhubung pendawaian di bangunan-bangunan lama yang tidak diperbaharui yang boleh menyebabkan kebakaran melalui litar pintas.

Dr Mahathir berkata jika didapati kebakaran pagi ini disebabkan masalah litar pintas, kerajaan akan mengadakan usaha yang lebih serins untuk memeriksa semula semua sistem pendawaian di tempat-tempat tertentu terutama di bangunan-bangunan lama. -- Lagi.

▼15/10/12-58MST

CNS7830

U GB 15-10 00185 B A 2 8 7

aab

Mahathir - Subang 3 Hong Kong

Apabila ditanya sama ada kerajaan berpuas hati dengan tahap keselamatan di tempat-tempat penting di Malaysia memandangkan dua kebakaran telah berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dalam masa yang singkat, Perdana Menteri berkata; +Kita memang tak puas hatikerana perkara ini sepatutnya tidak berlaku.+

Kepada satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata sebab Lapangan Terbang Kuala Lumpur tidak mempunyai satu menara kawalan' gantianialah adanya kelengkapan menara kaw'alan Tentera Udara Diraja Malaysia yang berhampiran, dan menara kawalan Bomba yang boleh digunakan dalam keadaan kecemasan.

+Inilah sebabnyakita boleh pulihkan operasi dalam masa yang singkat. Jika kita nak ada dua peruntukan untuk setiap perkara, ini akan menelan belanja yang besar,+ katanyar

Dalam rangka lawatannya ke pusat kewangan terkemuka Asia ini, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Gabenor Hong Kong Christopher Patten dan berucap pada Forum Ekonomi Eropah/Asia Timur semalam.

Forum itu dihadiri 380 ketua pegawai eksekutif syarikat terkemuka dan pembuat dasar kosporat dan kerajaan dari seluruh dunia itu diadakan bagi membincang isu-isu ekonomi dan politik antarabangsa. -- Lagi.

▼15/10/12-59MST

CNS7832

U GB 15-10 00094 BA288

aab

Mahathir - Subang 4 (Akhir) Hong Kong

Pagi ini, Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengadakan perjumpaan dengan lebih 200 orang rakyat Malaysia pada majlis sarapan di Hotel Island Shangri-La.

Beliau kemudian berlepas ke Tokyo untuk lawatan seminggu ke Jepun.

Semasa di Jepun, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan anjuran Insti tut Mi tsui dan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun Xiichi Miyazawa.

Beliau juga akan melawat beberapa pro jek di Sapporo. -- Bernama.

▼15/10/13-01MST